



**TEKS UCAPAN PENGARAH  
KESIHATAN NEGERI MELAKA**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN  
JABATAN KESIHATAN NEGERI  
MELAKA SEMPENA PELANCARAN  
BULAN KEMERDEKAAN & SAMBUTAN  
HARI MALAYSIA TAHUN 2015**

Terima kasih diucapkan kepada saudara Pengacara Majlis.

Yang Berusaha Timbalan-Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri

Pengarah-pengarah Hospital,

Pegawai-Pegawai Kesihatan Daerah,

Pegawai-Pegawai Pergigian Daerah,

Warga Jabatan Kesihatan Negeri Melaka, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

Bismillahirrahmanirrahim,

AssalamualaikumWarrahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam Sihat 1 Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang,

Negeri Bandar Teknologi Hijau,

Melaka 753 Tahun, Melaka Maju Fasa II.

Salam Sehati Sejiwa.

1. Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya jua, kita semua dapat bersama-sama dalam Majlis perhimpunan bulanan serta majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan sambutan Hari Malaysia Tahun 2015. Pada hari ini saya berasa bersyukur kerana masih diberi ruang dan peluang kepada saya untuk beramah mesra dengan sebahagian daripada warga Jabatan Kesihatan Negeri Melaka. Terima kasih diucapkan kepada jawatankuasa penganjur majlis pada hari ini iaitu Bahagian Pengurusan Jabatan Kesihatan Negeri Melaka.

2. Saya maklum bahawa, majlis yang dianjurkan pada hari ini mungkin tidak dapat dihadiri oleh sebahagian lagi warga kerja kita berikutan keperluan tugas-tugas yang memerlukan tanggungjawab dan komitmen yang jitu dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat. Sebagai sebuah Jabatan yang mempunyai tanggungjawab

besar memberi perkhidmatan kepada rakyat, saya pasti ada di kalangan kita yang tidak dapat memenuhi keperluan diri dan keluarga masing-masing sepenuhnya disebabkan tuntutan tugas. Namun begitu, saya dengan ikhlas ingin menyatakan bahawa pengorbanan peribadi anda semua adalah amat dihargai dan disanjung. Terima kasih saya ucapkan kepada warga JKN Melaka tanpa mengira pangkat dan jawatan yang menjalankan tugas kerana sentiasa melaksanakan tanggungjawab dengan berhemah, berdedikasi dan penuh komitmen, tanpa mengira tempat dan masa.

### **PERKHIDMATAN AWAM CEMERLANG & BUDAYA KORPORAT**

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Saya ingin menarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan sekalian bahawa dalam melaksanakan tugas dan memberikan

perkhidmatan kepada rakyat kita haruslah sentiasa bersikap profesional dan terbuka dalam menjalankan tugas, dan mencari penyelesaian yang kreatif bagi sebarang kesukaran yang dihadapi serta patuh kepada arahan atau keputusan yang telah dibuat oleh pihak atasan. Tanggungjawab ini terletak kepada semua penjawat awam supaya kita dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh ikhlas dan berintegriti. Dalam merealisasikan saranan ini saya menyeru agar semua Ketua Jabatan memantau bebanan tugas yang dipikul oleh warga kita secara berterusan, demi memastikan mutu perkhidmatan yang diberikan oleh kepada rakyat sentiasa berada pada tahap yang tinggi.

4. Suka saya mengingatkan para hadirin bahawa kita juga sebenarnya rakyat, dan sebarang perkhidmatan yang diberikan kepada orang awam perlulah yang terbaik sepertimana yang diharapkan oleh kita sendiri sebagai rakyat. Kita perlu meletakkan diri kita dalam kedudukan mereka yang menerima atau menggunakan perkhidmatan Kerajaan. Janganlah kita memberi perkhidmatan yang sambil lewa, buktikan bahawa kita adalah penjawat awam yang profesional, pantas melaksanakan tugas dan sentiasa mesra dan berhemah tinggi.

5. Keikhlasan dan kesediaan kita dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat adalah bertetapan dengan slogan Kementerian kita iaitu **“Kami Sedia Membantu”** dan tiga budaya korporat Kementerian iaitu **Penyayang, Profesionalisme dan Kerja Berpasukan.**

Secara tidak langsung konsep “Merakyatkan Perkhidmatan Awam” dilaksanakan di peringkat kita semua dan perkara ini haruslah diteruskan dan ditingkatkan dari masa ke semasa.

6. Dalam menyahut seruan perkhidmatan awam yang kejut, kita haruslah berupaya bergerak sebagai sebuah agensi secara efektif dengan mengoptimalkan penggunaan sumber terutamanya dari segi tenaga kerja serta fasiliti yang ada. Peranan dan senarai tugas setiap pegawai perlu dimantapkan dan dioptimumkan berasaskan pelaksanaan tugas secara *multi-tasking* dan fleksibel namun pada masa yang sama masih mengekalkan prestasi yang cemerlang.

## MENCIPTA KECEMERLANGAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Ekspektasi pelanggan terhadap sistem penyampaian kesihatan adalah amat tinggi. Mereka mahukan perkhidmatan yang berkualiti, cepat dan tepat. Mereka juga mahukan persekitaran perkhidmatan yang kondusif yang membolehkan mereka berurusan dengan Kerajaan tanpa mengira waktu dan tempat. Ini memerlukan kita menjadi sebagai penyampai perkhidmatan untuk merancang, dan melaksana transformasi dalam menyedia perkhidmatan yang menjangkau ekspektasi dan kehendak pelanggan.

8. Dalam melaksanakan amanah tersebut, adalah perlu setiap dari kita di sini bertindak secara rasional dan berfikiran terbuka dengan berpegang kepada prinsip:

- i) Mengamalkan **“The Game of The Impossible”**
- ii) Bertindak berlandaskan KPI;
- iii) Mempunyai semangat berpasukan untuk berjaya
- iv) Mempunyai disiplin yang tinggi; dan
- v) Bertindak sebagai **“Situational Leadership”**

Bagi melaksanakan amanah tersebut, disiplin yang tinggi merupakan pra-syarat untuk mengecapi kejayaan. Disiplin bukan hanya bermakna mematuhi peraturan yang ketat yang lazimnya tidak disukai, tetapi ia merupakan perlakuan strategik standard sosial supaya seseorang dapat bertindak secara rasional dan baik, umpamanya setiap dari kita perlu mengekalkan disiplin yang tinggi dalam pengurusan masa, menjaga kebersihan dan pematuhan etika kerja.

9. Hanya dengan disiplin yang tinggi, kita dapat menghasilkan kecemerlangan dalam apa juga yang kita laksanakan. Mereka yang mempunyai disiplin yang tinggi sehingga berjaya menonjolkan kecemerlangan sewajarnya diberi anugerah atau diberi pengiktirafan. Begitu juga yang tidak berdisiplin perlu mengambil tanggungjawab atau menerima balasan ke atas kelemahan atau kegagalan dalam menghayati disiplin

Warga JKN Melaka yang dikasihi sekalian,

10. Pada kesempatan ini juga, saya ingin memetik beberapa amanat yang disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Dr Ali Bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara (KSN). Antara perkara penting yang diberi penekanan pada masa kini adalah diperlihatkan kerajaan amat mengambil

maklum dan memandang serius terhadap beberapa perkembangan semasa dalam negara yang boleh mengganggu gugat ketenteraman awam dan keselamatan negara. Ini termasuk tuduhan dan laporan berikutan siasatan pihak polis negara Thai bahawa ada pihak tertentu dalam negara bersama anasir luar terbabit dalam satu konspirasi terhadap kepimpinan negara untuk mengangu gugat proses demokrasi negara ini malahan boleh mengancam ketenteraman awam dan keselamatan negara.

11. Justeru itu penjawat awam juga ,diingatkan untuk terus memberikan tumpuan dan komitmen dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat selaras dengan Agenda Transformasi Nasional dengan tidak melibatkan diri dalam sebarang aktiviti atau perbuatan yang boleh disifatkan sebagai mencemarkan imej

perkhidmatan awam dan menjejaskan ketenteraman dan keselamatan Negara.

12. Apabila menyentuh dari segi isu keselamatan dan ketenteraman awam serta perkaitannya dengan anggota kesihatan yang memberikan perkhidmatan kepada rakyat, kita tidak terlepas daripada pengaruh dan kuasa media sosial. Kemudahan seperti ini memberi ruang kepada sesiapa sahaja memberikan pandangan masing-masing. Walaupun ada pandangan yang bermanfaat dilontarkan, namun terdapat segelintir yang kurang sopan dan tidak berlandaskan kepada fakta dan kebenaran. Justeru, sebagai warga Jabatan Kesihatan Negeri Melaka saya berharap kita tidak tergolong daripada segelintir mereka yang cuba untuk memberikan sebarang maklumat yang tidak sah, memburukkan dasar kerajaan, memberi komen negatif terhadap pegawai atasan dan rakan sekerja serta tempat kita mencari rezeki.

Hal ini demikian kerana, sebarang perilaku kita akan diperhatikan dan jika terperangkap perkara ini akan memberikan kesan yang buruk kepada kita sendiri dan secara tidak langsung akan memberikan imej buruk kepada Jabatan.

13. Oleh yang demikian, kita sebagai penjawat awam perlu sentiasa memelihara integriti perkhidmatan awam semasa menggunakan kemudahan media sosial kerana tidak dinafikan media sosial telah banyak memberikan kebaikan dan manfaat kepada pengguna termasuklah berupaya merapatkan penglibatan rakyat dan agensi-agensi kerajaan secara langsung dengan peredaran masa.

## **SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN DAN HARI MALAYSIA**

Hadirin sekalian,

14. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat menyambut baik dan menyokong saranan kerajaan untuk memeriah dan menjayakan sambutan Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia 2015. Jabatan Kesihatan Negeri Melaka juga tidak ketinggalan untuk menyemarakkan lagi semangat kemerdekaan dengan menyertai pertandingan yang dianjurkan di peringkat kementerian. Saya juga maklum bahawa, pada masa ini pertandingan keceriaan bangunan bertemakan Kemerdekaan sedang diadakan di peringkat PTJ.

15. Aktiviti seperti ini perlu dihayati bersama serta perlu melibatkan semua warga kesihatan tanpa mengira pangkat dan jawatan. Selari dengan dasar inovasi dan kreativiti, penilaian kali ini turut menilai kreativiti warga kementerian Kesihatan dalam menyampaikan mesej kemerdekaan. Bagi menggalakkan kreativiti dan inovasi serta selaras dengan dasar perbelanjaan berhemah, jumlah peruntukkan yang dibelanjakan bagi tujuan keceriaan ini perlu berada pada tahap minimum. Ini bagi memastikan setiap warga kerja Kementerian Kesihatan mengamalkan amalan berjimat cermat. Warga JKN Melaka yang dikasihi sekalian,



16. “MALAYSIA... Sehati Sejiwa” merupakan tema sambutan Hari Kemerdekaan tahun ini. Saya percaya bahawa, tema ini akan memberikan kesan mendalam dan melahirkan semangat kecintaan terhadap negara dalam hati kita semua sebagai seorang warganegara Malaysia yang cintakan tanah air. Pada tanggal 31 Ogos 2015 nanti genaplah negara kita menyambut kemerdekaan untuk kali ke 58. Pengertian kemerdekaan bukan sekadar bebas daripada penjajahan secara fizikal semata mata tetapi kita harus sentiasa berwaspada dan menghindari penjajahan mental melalui pengaruh-pengaruh negatif yang merosakkan negara kita. Kita semua patut berasa bangga kerana menjadikan amalan berbudi pekerti serta mengamalkan nilai-nilai murni dapat menyatupadukan seluruh rakyat yang berbilang kaum sekaligus menjamin keamanan dan kedaulatan negara Malaysia yang kita cintai.

17. Harapan saya agar warga kerja Jabatan Kesihatan Negeri Melaka, dapat mengekalkan ciri-ciri warganegara yg baik, berakhlak mulia, berdisiplin serta hormat menghormati antara satu sama lain. Setelah 58 tahun merdeka keadaan negara kita sekarang jauh lebih baik daripada sebelum merdeka dengan pembangunan yang pesat serta ekonomi yang kukuh dalam menjamin kesejahteraan rakyat. Masyarakat kita sekarang lebih berpendidikan dan berjaya.

18. Jika kita melihat senario dunia sekarang peperangan berlaku di mana-mana. Nasib kita di sini, adalah jauh lebih baik dan kita bebas melakukan perkara yang kita suka tanpa sebarang ketakutan. Oleh yang demikian bersama-samalah kita bersyukur dan berikrar untuk hidup bersama dengan aman dan damai sesuai dengan TEMA kita pada tahun ini “MALAYSIA..Sehati Sejiwa” kita perlu menanam

semangat kemerdekaan melalui cara pemikiran minda kelas pertama sekali gus mempertahankan kemerdekaan warisan perjuangan pemimpin negara terdahulu.

19. Kehadiran kita pada pagi ini ,bukan hanya mewarnai program tetapi sebagai permulaan untuk kita sama-sama melahirkan rasa bangga kita menjadi warganegara Malaysia yang bertuah serta melahirkan rasa cinta yang tidak berbelah bahagi. Ia bukan sekadar laungan MERDEKA tetapi memahami, menghayati dan menterjemahkannya dalam kehidupan harian itu lebih bermakna.

Hadirin sekalian,

20. Hari Malaysia disambut pada 16 September setiap tahun untuk memperingati penubuhan persekutuan Malaysia di tarikh yang sama pada tahun 1963. Ia menandakan penyertaan bersama Malaya, Borneo Utara, Sarawak, dan Singapura bagi membentuk Malaysia. Pada hari tersebut seharusnya rakyat di seluruh negara dapat merapatkan lagi hubungan antara kaum dalam suasana muhibah. Gagasan 1Malaysia akan bertambah mudah jika semua kaum dapat bersatu menjadi sebuah masyarakat yang kukuh jati dirinya.

21. Saya menyeru agar kita sama-sama menyemarakkan bulan kemerdekaan ini dengan mengibarkan jalur gemilang termasuk di rumah kita sendiri. Semoga dengan cara itu kita akan dapat menyemarakkan lagi semangat patriotisme kepada tanah air tercinta. Kerjasama yang ditunjukkan dalam program ini serta program akan datang memberi kekuatan untuk kita meneruskan perjuangan mempertahankan kedaulatan negara Malaysia yang kita cintai.

## **HARAPAN**

22. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada hari ini, suka saya ingatkan kepada semua warga kerja JKN Melaka bahawa dalam merencana dan memperkasa perkhidmatan kesihatan kepada rakyat kita seharusnya sentiasa berpegang kepada misi dan visi Kementerian dan seterusnya dapat mencapai

objektif Kementerian iaitu membantu seseorang individu mencapai dan mengekalkan satu taraf kesihatan bagi membolehkannya menjalankan kehidupan ekonomi dan sosial yang produktif. Ini boleh dicapai dengan menyediakan perkhidmatan bercorak penggalakan, pencegahan, rawatan dan pemulihan yang cekap, sesuai dan berkesan dengan memberi penekanan kepada golongan-golongan yang kurang bernasib baik.

23. Sekali lagi diucapkan penghargaan dan syabas kepada warga kerja JKN Melaka yang telah berusaha memastikan kelancaran majlis pada hari ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Semoga tradisi kecemerlangan ini diteruskan dan diharapkan majlis seperti ini dapat mengukuhkan lagi sillaturahim antara kita semua, dan semoga warga Jabatan Kesihatan Negeri Melaka akan terus maju jaya.

Izinkan saya mengakhiri majlis ini dengan dua rangkap pantun,

1. Harmoni Perpaduan Semua Bangsa,  
Menjadi pegangan untuk semua,  
Malaysia Harmoni Aman Sentiasa,  
Nikmat Kemerdekaan kekal dirasa .
  
2. Beli keladi di Pekan Lidup,  
Sayang rasa lemaknya kurang;  
Taburlah budi ketika hidup,  
Kelak jasa dikenang orang

Sekian,                   Wabillahitaufik   Walhidayah  
Wassalamualaikum                   Warahmatullahi  
Wabarakatuh.